

HUBUNGAN PENYELIA PELAJAR – BERKONGSI PENGALAMAN

Azizah Mohd

azizahmohd@iium.edu.my

Department of Islamic Law, AIKOL, IIUM

Bengkel Penyelia Pelajar

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

1st July 2021

PENGENALAN

- Proses untuk mendapat Phd bukanlah satu proses yang mudah
- Dari memilih tajuk, menyediakan proposal, memperbaiki atau meminda proposal, mengumpul data, sorotan literatur, memulakan penulisan (idea, flow, pembentangan idea dsb)
- Jangkasama agak lama (2 1/2 - 6 tahun)
- Cabaran-cabaran Ketika Phd – masalah kewangan, keluarga, konflik suami isteri, konflik antara tanggungjawab sebagai isteri/suami, ibu/bapa, anak dsb.
- Pengalaman kita semasa Phd amat berguna untuk kita gunakan pula bila menjadi seorang penyelia terutamanya supaya kita dapat memahami pelajar kita dengan lebih baik, lebih bertolak ansur dsb.

ERTI PENYELIAAN

- Penyeliaan ialah proses memberi tunjuk ajar dan bimbingan akademik kepada pelajar bagi memantapkan ideanya untuk menghasilkan satu penulisan tesis yang baik dan berkualiti.
- Secara amnya penyeliaan pasca siswazah meliputi:
 - bimbingan menjalankan penyelidikan dan bimbingan penulisan tesis.

HUBUNGAN PENYELIA PELAJAR

- Hubungan penyelia pelajar adalah satu faktor penting untuk sama ada ia membantu pelajar mempercepatkan penyerahan thesis atau melambatkan penyerahan thesis
- I.e. Penyeliaan yang berkesan/ tidak berkesan akan mempengaruhi kualiti Phd, kejayaan atau kegagalan pelajar

JENIS PENYELIAAN (secara umum)

- PASCASISWAZAH
- UNTUK DOKTOR FALSAFAH ATAU SARJANA
 - PENYELIA UTAMA – Bertanggungjawab sepenuhnya, penyelaras, mentor kepada Penyelia Bersama (untuk melahirkan pelapis)
 - PENYELIA BERSAMA – Untuk sesuatu kepakaran yang lebih khusus, Pembantu Penyelia Utama
 - AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN
 - Biasanya lebih dari 2 Penyelia
 - Seorang akan dilantik sebagai Pengerusi, yang lain Penyelia Bersama

Beberapa Isu Hubungan Penyelia Pelajar

- Klon – Penyelidikan yang mendukung pendekatan, pandangan dan prestij penyelia
- Buruh Murah – Pelajar sebagai Pembantu Penyelidik
- Penyelia Hantu – susah nak jumpa
- The Chum – hubungan sahabat yg akrab
- Kaunselor – mentor – kemahiran menangani masalah emosi
- Combatant – Penyeliaan yang terlalu ketat dan strict, pelajar asyik salah

Penyelia dan Pelajar Dalam Latihan

- Hubungan yang Lebih bersifat Profesional
- Penyelia sedar akan peranan untuk membimbing pelajar
- Masing-masing sedar akan kedudukan seorang penyelia dan seorang pelajar
- Hubungan yang harmoni seiring dengan objektif melahirkan seorang sarjana doctor falsafah
- Inilah hubungan yang paling tepat

BERKONGSI PENGALAMAN MENYELIA

- 14 Selesai dan mendapat Ijazah Phd
- 1 tengah buat pembetulan selepas viva
- PHD - 5 Penyelia Utama
 - o 3 Penyelia Bersama
 - o 1 Ahli Jawatankuasa Penyeliaan
- Master (MCL)
 - o 5 Utama
 - o 1 Bersama
- Sedang berlangsung 2 (2MCL)
- Menarik Diri - 2, diberhentikan - 1 (Phd)

PERSEDIAAN MENYELIA

1) PERSEDIAAN FIZIKAL AND MENTAL -

- SARJANA 1 - 2 TAHUN PHD - 2 1/2 to 6 years
- Bermacam Ragam / keadaan Pelajar - e.g. masalah Bahasa, masalah keluarga, kurang dedikasi, tidak komited dsb
- Keikhlasan untuk menyelia
 - Memasang Niat Lillahi Ta'ala - Mardatillah, khidmat pd university dan ummah, doa, azam, tawakkal, redha
 - automatic/ impromptu/ preparation?

2) Confiden, berani mencuba (Penyeliaan Pertama, kedua, ketiga)

3) Bersedia untuk membina hubungan, membantu, membimbing dan Komitmen dengan Pelajar - pemudahcara

4) Perancangan /projection - jadual

PROSES PENYELIAAN / FLOW


- PEMILIHAN TAJUK
- PENYEDIAAN PROPOSAL
- PEMBENTANGAN PROPOSAL
- PEMBENTANGAN DAN PEMANTAUAN CHAPTERS BY CHAPTERS
- FIRST DRAFT - MEETING
- SECOND DRAFT - MEETING
- SUBMISSION
- EXAMINATION -
- VIVA DAN PERSEDIAAN
- POST EXAMINATION / VIVA
- SUBMISSION SELEPAS VIVA
- GRADUATION (TAKRIM AL-KHARRIJEEN)

PERANAN / TANGGUNGJAWAB PENYELIA

- Memberi Bimbingan Kepada Pelajar
 - Pemilihan atau Kesesuaian Tajuk, Literatur, Objektif, Skop, Analisa kajian, metodologi kajian, rujukan, pemeriksaan, viva dsb
- Memberi maklumbalas dengan meneliti deraf penulisan, mengkritik secara konstruktif dan memberi komen kritikal terhadap deraf tersebut bab demi bab sehingga selesai semua bab
- Memantau Prestasi Pelajar dari semasa ke semasa
- Memberi Galakan, Motivasi dan Nasihat (eg Ttg etika penyelidikan, no plagiarism etc)

PERANAN / TANGGUNGJAWAB PENYELIA

- Gaya Penyeliaan mengikut kesesuaian dengan pelajar
 - Setiap Pelajar adalah berbeza dari segi kebolehan akademik, motivasi, sikap dan personality
- Memastikan pelajar memenuhi kehendak Universiti
- Bersifat jujur, telus dan terbuka dengan Pelajar
- Komunikasi yang berkesan, saling mengambil berat dan saling memahami



JORGE CHAM © 2014

ETIKA AKADEMIK

1. Tidak membincangkan masalah university dan pejabat, termasuk masalah dengan pensyarah lain dengan pelajar anda
2. Mengelak daripada merendah-rendah keperibadian dan kebolehan pensyarah dan penyelia lain
3. Menghormati masa pertemuan. Sekiranya tidak dapat memenuhi masa pertemuan yang dijanjikan, penyelia perlu memaklumkananya
 - Sebaik-baiknya, masa pertemuan perlu dilakukan pada masa pejabat.
4. Penyelia perlu memberikan jumlah masa yang mencukupi untuk penyeliaan
5. Sewaktu pertemuan, penyelia tidak seharusnya menguruskan kerja-kerja lain

ETIKA AKADEMIK

6. Proses penyeliaan perlu berlangsung secara professional, bersefahaman dan kedua-dua pihak seharusnya berada dalam keadaan bersedia
7. Penyelia perlu menunjukkan rasa keterlibatan terhadap hasil kerja pelajar
8. Menjaga kerahsiaan (confidentiality) pelajar e.g. Hasil perbincangan di antara penyelia dengan pelajar adalah rahsia, dan Prestasi akademik seseorang pelajar adalah rahsia kecuali atas urusan rasmi
9. Bersikap jujur dan berterus terang dengan pelajar e.g. Penyelia perlu berterus-terang dengan pelajar sekiranya hendak menulis artikel untuk jurnal / konferen secara Bersama
10. Menghormati pendapat dan pandangan pelajar

ETIKA SOSIAL

1. Pakaian penyelia dan pelajar hendaklah sopan
2. Mengehadkan perbincangan peribadi kecuali berkaitan dengan kerja penyelidikan dan penulisan tesis atau artikel bersama
3. Tiada Perhubungan peribadi antara penyelia dengan pelajar terutamanya Lelaki dan Wanita
4. Pelajar yang bermasalah peribadi yang serius hendaklah dirujuk kepada pihak pengurusan Jabatan
5. Tidak bersikap pilih kasih (kalua pelajar lebih dari satu)

PERILAKU YANG MELANGGAR ETIKA

1. Tidak menyempurnakan tugas penyeliaan sebagaimana yang telah diamanahkan tanpa alasan yang munasabah
2. Mengamalkan pilih kasih dalam proses penyeliaan
3. Tidak mengambil berat tentang keberkesanan proses penulisan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar
4. Enggan bertemu pelajar untuk tujuan perbincangan dan perundingan
5. Melambat-lambatkan urusan pemeriksaan tesis
6. Menggagalkan tesis tanpa alasan yang munasabah
7. Menyembunyikan maklumat sebenar
8. Menyelia dalam bidang yang bukan bidang kepakaran

CABARAN DAN PENYELESAIAN?

- Kewangan - Research fund
- Masalah Keluarga -
- Mood swing - Culas
- Language barrier
- Kurang Kemahiran
- Kurang bermotivasi
- Konfiden level yang rendah



© 2010 PHD COMICS

ANTARA CIRI-CIRI PENYELIA CEMERLANG

1. Menunjukkan komitmen serta disiplin yang tinggi terhadap tugas penyeliaan
2. Penyelia seharusnya adalah pakar dalam bidangnya dan selaras dengan bidang pelajar
3. Menepati masa perjumpaan dengan pelajar
4. Walaupun terlalu sibuk, seseorang penyelia perlu meluangkan masa untuk pelajar di bawah seliaannya mengikut persetujuan
6. Sentiasa berinteraksi / komunikasi secara mesra dan professional terhadap pelajar di bawah seliaan
 - Mengenal pasti masalah pelajar dalam penyelidikan dan penulisan dan cuba membantu
7. Mempamerkan sikap prihatin terhadap pelajar semasa proses penyeliaan

ANTARA CIRI-CIRI PENYELIA CEMERLANG

8. Melayan semua pelajar di bawah seliaannya secara saksama
9. Memberi pujian serta teguran membina terhadap tugas yang diajukan oleh pelajar.
10. Menyelia secara beretika dan bersikap professional
11. Memberi maklum balas kepada hasil kerja pelajar dalam tempoh masa yang bersesuaian
12. Sentiasa bersedia dan boleh menerima maklum balas daripada pelajar semasa perbincangan berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan
13. Menghormati pandangan Penyelia Bersama dan tidak memburukkan rakan akademik lain terutamanya penyelia bersama

PASCA PENYELIAAN

- Terus berhubung
- Kerjasama Pendidikan
- Konferen
- Penulisan dan penerbitan artikel bersama

PENUTUP

- Amalan latihan penyelidikan yang terbaik merangkumi kombinasi pelbagai factor.
- diantaranya adalah seperti berikut:
 - (1) kemahiran dan komitmen penyelia;
 - (2) kebolehan dan komitmen pelajar;
 - (3) kewujudan polisi atau garis panduan yang jelas di peringkat universiti
- untuk mengatasi masalah berkaitan dengan calon dan penyelidikan yang sedang dijalankan. Apabila tiga perkara ini diberi perhatian oleh individu yang berkenaan, maka keberkesanan penyeliaan itu dapat dipertingkatkan

RUJUKAN

- 1) Keberkesanan Hubungan antara Pelajar dan Penyelia dalam Penyelidikan dan Penyediaan Projek Akademik
 - [Dr. Norhasni binti Zainal Abiddin](#)
- 2) Panduan Penyeliaan Siswazah UKM
- 3) Buku Etika UKM
- 4) Menangani Masalah Hubungan Pelajar-Penyelia (online)
- 5) 10 Jenis Hubungan Penyelia Phd (online)



Thank you